



## SIARAN MEDIA

### MPFN BERSETUJU PROJEK WCE DITEROKA MELALUI MODEL PENSWASTAAN

---

**PUTRAJAYA, 9 April 2026** - Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim hari ini mempengerusikan **Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-50** yang mempertimbangkan sebanyak 10 kertas kerja merangkumi dua (2) kertas kelulusan, tiga (3) kertas persetujuan dan lima (5) kertas makluman.

MPFN telah meneliti **Draf Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5)** dan **Draf Dasar Perbandaran Negara Ketiga (DPN3)** yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). Dokumen ini merupakan dua (2) dasar utama perancangan spatial negara yang akan memacu hala tuju pembangunan dan tadbir urus fizikal Malaysia yang seimbang dan mampan. Selaras dengan semangat Kerajaan MADANI yang mengutamakan kerjasama Persekutuan-Negeri, **mesyuarat bersetuju agar proses penelitian dan penyelarasan lanjut dilaksanakan bersama Kerajaan Negeri, termasuk Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sebelum dokumen ini dimuktamadkan sepenuhnya untuk diterima pakai.**

MPFN turut mengambil maklum inisiatif infrastruktur strategik oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) yang melibatkan cadangan jajaran baharu Lebuhraya Pantai Barat (WCE) Hubungan Selatan dari Banting ke Gelang

Patah sepanjang 303.5km serta pembinaan jalan baharu dari Simpang Pelangai ke Putrajaya sepanjang 118.7km. Kedua-dua projek ini dirangka sebagai laluan alternatif berkapasiti tinggi bagi mengurangkan kesesakan kritikal di Lebuhraya Utara-Selatan (E2) dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (E8).

**Mesyuarat bersetuju agar cadangan projek infrastruktur ini diteroka melalui model pelaksanaan secara penswastaan bagi mengoptimumkan pengurusan kos serta kecekapan fiskal negara.** Rundingan terperinci akan dilaksanakan bersama Kerajaan Negeri terlibat bagi memperkemas kaedah pelaksanaan dan menjamin impak ekonomi yang maksimum kepada penduduk setempat.

Keputusan mesyuarat MPFN Ke-50 ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan perancangan fizikal negara sentiasa dinamik, inklusif dan berpandangan jauh. Melalui sinergi RFN5, DPN3 dan projek infrastruktur strategik, Malaysia kini berada di landasan yang tepat untuk mencapai keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMADANI  
#Kesejahteraan  
#StrongerTogether  
#DemiPertwi  
#UnityInDiversity  
#RancarkanMADANI

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

